



KOPI PAHIT

Subandrio tuduh Tengku atas perbuatan balasan menyerbu rumah Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur telah memijak lambang Indonesia, “Tunggal Ika”. Berdasarkan pembohong ini lalu menuduh Tengku Abdul Rahman kejam! Apakah perbuatan-perbuatan Indonesia berbulan-bulan dahulu, anti-Tengku mau dibilang – kan lebih baik bilangan aja binatang!

* * *

Surat khabar Indonesia bilang Tengku merampas Saloma isteri P.Ramlee, dijadikan “isterinya”! Kan tuduhan ini kurang ajar, tidakkah akhbar ini kan lebih baik bilangan aja deh bung Kedik¹ duluan rampas isteri orang lalu dijadikan isteri dan banyak perkosaan atas wanita berlaku. Cara ini kan menunjukkan bung Kedik itu bajingan!

* * *

Rundingan-rundingan diadakan di Manila – dan mulanya persetujuan didapati tetapi dalam masa rundingan-rundingan itu berjalan Konfrontasi Indonesia berjalan terus dan serangan-serangan dijalankan di sempadan Sabah dan Sarawak serta tentera-tentera dihantarkan ke sana. Tidakkah ini maknanya rundingan tidak bererti? Tidakkah ini sepuh menunjukkan senam. Begitu penipuan bung Kedik atau banjingan Sukarno.

* * *

Kedutaan British diserang dengan hebatnya di Jakarta. Perusahaan British dirampas dan bilik kuat di Kedutaan Besar British di Jakarta cuba dipecahkan dan dirampas. Perbuatan ini adalah perbuatan lebih daripada kurang ajar dan lebih daripada biadab sebab melanggar

peraturan internasional.

Dalam pada itu bajingan-bajingan Indonesia, Duta Mohammad Diah dan Menteri Luar Subandrio membilangkan di hadapan umum bahawa Indonesia ingin terus berbaik dengan British – kurang ajar!

* * *

Tatkala menjawab tuduhan-tuduhan British di Majlis Bangsa-bangsa Bersatu atas perbuatan biadab Indonesia, Palar², wakil Indonesia menegakkan benang basahnyanya menuduh bahawa dalam “bilik kuat”, Kedutaan British ada disimpan senjata-senjata yang tidak seizin kerajaan Indonesia.

Lidah sememangnya tidak bertulang – alasan-alasan boleh dibuat tetapi tahu dunia bahawa komplotan bajingan Sukarno, lidahnya berputar belit dan tidak bermalu! Walhasil melawan orang tidak bermalu sama sahaja melawan anjing!

* * *

Bajingan Sukarno bilang kita mesti ganyang Malaysia – ertinya kita mesti ratah Malaysia habis-habisan. Amboi! Kalau ganyang Malaysia sulit Bung kerana Malaysia tulangnya keras. Kalau anjurin ganyang tikus kan lebih baik sebab tikus banyak di Indonesia dan “musuh nasional”.

* * *

Hubungan ekonomi dan segala hubungan telah diputuskan oleh Indonesia sehingga hubungan kawat pun begitu juga. Tetapi perbuatan orang-orang Indonesia rupanya ikut hawa nafsu kerana apabila hubungan kawat terputus dengan Singapura maka terputus pula hubungan kawatnya – bukan sahaja dengan dunia luar tetapi dalam negeri sendiri – akhirnya undur, hubungkan balik. Betul dak orang seperti ini kumpulan orang-orang edan?

Cemeti Al-Farouk

¹ Dieja sebagai kaf-dal-ya-hamzah. Mungkin gedik (lincah) atau kedik (mekutik ke belakang).

² Merujuk kepada Lambertus Nicodemus Palar.